

Ruj. Kami : Prk. ML. 32/36 (17)
Tarikh 23 Mac 2012

Semua Pengarah Perikanan Negeri

Tuan,

NOTIS/HEBAHAN BAGI MENGENAKAN SYARAT SAIZ MATA PUKAT TIDAK MELEBIHI 5 METER BAGI PENGUSAHA PUKAT TUNDA

Dengan segala hormatnya perkara yang tersebut di atas adalah dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa mengikut Pekeliling Dasar Baru Dan Prosedur Pelesenan Jabatan Perikanan (Pekeliling Cawangan Pelesenan – Disember 2/2012) bertarikh 23 Disember 2011, tuan dikehendaki membuat hebahan kepada semua nelayan khususnya nelayan pukat tunda zon B mengenai syarat baru/tambahan bagi pukat tunda zon B. Penghebahan itu adalah selaras dengan seksyen 10(2) di bawah Akta Perikanan 1985 yang mana Ketua Pengarah Perikanan boleh membuat apa-apa syarat yang perlu tetapi notis yang wajar perlu diberi terlebih dahulu. Namun begitu usaha yang dijalankan adalah tidak mencukupi dan tuan dikehendaki mempertingkatkan usaha penghebahan dan pengeluaran notis. Sehubungan dengan itu, Jabatan membuat keputusan memberi tempuh lanjutan bagi notis pemberitahu atau hebahan kepada nelayan dan mencadangkan syarat ini dimasukkan sebagai syarat dalam buku lesen dan cadang dikuatkuasakan pada 15 April 2012.

3. Tuan dikehendaki memberikan notis pemberitahu/hebahan kepada semua pemegang lesen pukat tunda zon B di negeri masing-masing, Persatuan Nelayan, Syarikat Kerjasama Nelayan, Persatuan Pukat Tunda dan ketua/pemimpin nelayan tempatan. Notis pemberitahu/hebahan berkenaan juga hendaklah ditampal di pangkalan-pangkalan vesel yang sesuai.

4. Syarat tambahan itu hendaklah di cop di dalam buku lesen vesel pukat tunda zon B (ke bawah 40 GRT) di bahagian syarat-syarat lesen seperti berikut:-

SYARAT TAMBAHAN BAGI LESEN

Saiz mata pukat tidak melebihi 5 meter di mana-mana bahagian pukat dan panjang tali kajar atas tidak melebihi 40 meter.


5. Pemegang lesen pukat tunda zon B dikehendaki menandatangani surat akuan terima semasa menerima notis pemberitahu/hebahan. Ini untuk memastikan bahawa notis pemberitahu telah diterima oleh mereka seperti yang dikehendaki di bawah Seksyen 10(2) Akta Perikanan 1985. Surat akuan terima

hendaklah dibuat dalam dua salinan, satu salinan untuk pemegang lesen dan satu lagi untuk salinan pejabat. Contoh surat akuan terima dikepilkan bersama-sama ini untuk panduan tuan.

Sekian, untuk tindakan tuan selanjutnya. Terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "

Saya yang menurut perintah,



(DATO' AHAMAD SABKI BIN MAHMOOD)
Ketua Pengarah Perikanan Malaysia,
Putrajaya.

s.k. Y.Brs.TKP (Pembangunan)
Y.Bhg. Dato' TKP(Operasi)
Semua Pengarah Bahagian
Semua KC Bahagian P & PS
KC Perundangan
Semua PP Bahagian P & PS

SURAT AKUAN TERIMA

.....
.....
.....
.....

Kepada:

Nama Pemegang Lesen

.....
.....
.....

Tuan,

SYARAT TAMBAHAN BAGI LESEN PUKAT TUNDA NO. VESEL.....

Merujuk kepada perkara di atas, saya.....

no.kad pengenalansebagai

pemilik/pengusaha vesel no.....

dengan ini mengesahkan bahawa saya telah menerima surat PRK.....

.....bertarikh.....mengenai

perkara seperti yang tersebut diatas pada.....dan

telah memahami segala isi kandungannya.

Sekian, dimaklumkan.

T/T

